

26/08/1997

Indonesia harap masalah selesai

BANGI, Isnin - Indonesia berharap dapat mengadakan kerjasama lebih erat dan tersusun di antara menteri kewangan dan Gabenor Bank Pusat negara Asean dalam menangani masalah kejatuhan nilai mata wang negara masing-masing.

Menteri Kewangan Indonesia, Mar'ie Muhammad, berkata beliau menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selama satu jam untuk berbincang mengenai perkara itu, pagi ini.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, mereka turut membincangkan isu kejatuhan nilai mata wang selain mengumpul maklumat bersama mengenai kejadian yang berlaku di negara Asia Tenggara itu.

"Bagaimanapun, perbincangan bersama Perdana Menteri itu tidaklah begitu teknikal berbanding perbincangan bersama Menteri Kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim) malam tadi," katanya selepas memberikan ceramah umum bertajuk Pembangunan: Untuk Apa Dan Untuk Siapa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini hari ini.

(END)